

Berkongsi pengalaman Di New Zealand

BH 7-8-2014



Rombongan UMS mengadakan pertemuan dengan beberapa pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di University of Auckland.

Kota Kinabalu: Seramai 10 kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menyertai 'Global Outreach Programme' ke New Zealand, baru-baru ini, berkesempatan mengadakan perjumpaan dengan beberapa pelajar Malaysia di University of Auckland.

Melalui pertemuan itu, pelajar terbabit berkongsi pengalaman

mereka mengikuti pengajian di perantauan, termasuk daripada segi perbezaan sistem pembelajaran dan budaya di New Zealand.

Salah seorang daripadanya, Shahreezatul Syazwani Saharuddin, berkata pelajar di University of Auckland perlu sentiasa bertindak pantas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

"Setiap perkara memerlukan kesegeraan tinggi. Siapa lambat akan terkebelakang," katanya yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris kepada Penutur Bahasa Lain) (TESOL).

Sara hidup tinggi
Rakannya dalam program sama,

Fatin Ghazali, berkata masyarakat di New Zealand sangat mesra dan sentiasa bersedia memberi bantuan jika menghadapi sebarang masalah.

"Negara ini, terutama di Auckland, juga mempunyai ramai penduduk yang berasal dari Malaysia. Cuma, kos sara hidup di sini adalah tinggi" katanya.

Seorang lagi pelajar, Masitah

“
NEGARA INI, TERUTAMA DI AUCKLAND, JUGA MEMPUNYAI RAMAI PENDUDUK YANG BERASAL DARI MALAYSIA. CUMA KOS SARA HIDUP DI SINI ADALAH TINGGI”

*Shahreezatul Syazwani
Saharuddin,
Pelajar*

Nor Khairi, berkata University of Auckland menyediakan banyak kemudahan dan sumber rujukan untuk kegunaan pelajar.

"Pelajar Malaysia dalam program TESOL mempunyai pensyarah khas sebagai pembimbing, selain disediakan alat sokongan akademik yang lengkap untuk membantu kami menguasai subjek diajar," katanya.